

Prof Dr Harun buat lawatan kerja sulung ke UMS-KAL

NST 03-08-2012 4

LABUAN: Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah, Prof Dr Mohd Harun Abdullah yang baru dilantik 18 Julai lalu- membuat lawatan kerja sulung ke Universiti Malaysia Sabah Kampus Antrabangsa Labuan (UMS-KAL), Sabtu lalu.

Sempena dengan lawatan kerja itu, beliau telah menghadiri taklimat pembangunan bersama pegawai kanan UMS-KAL yang menjadi salah satu tugas rasmi beliau dalam lawatan berkenaan.

Beliau yang akan menjawat jawatan itu sehingga Jun 2015 turut mempengerusikan Mesyuarat Pagi UMS kali ke-155, perjumpaan dengan kakitangan dan majlis berbuka puasa bersama kakitangan UMS-KAL.

Turut bersama beliau ialah Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang (Akademik dan Antarabangsa) dan Prof Dr Shahril Yusoff (Penyelidikan dan Inovasi), Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd Said, Bendahari, Rizal Othman dan Ketua Pustakawan, Dg Rukiah Amit.

Hadir sama Pemangku Pengarah UMS-KAL, Dr Ag Asri Ag Ibrahim dan Timbalan Pendaftar UMS-KAL,



PENGHARGAAN... Prof Dr Harun (tiga kanan) menerima cendera mata daripada Dr Ag Asri (dua kiri) sebagai tanda penghargaan sempena lawatan beliau ke UMS-KAL.

Zamri Mohamad Tuah.

Dr Harun turut melawat projek pembangunan di kolej kediaman pelajar, kafeteria, kemudahan sukan dan laluan berbumbung serta melihat projek pembangunan Dewan Kuliah Pusat dan meninjau pemandangan menarik dari Tingkat 13, Bangunan Menara UMS-KAL.

Beliau berharap semua projek itu dapat disiapkan mengikut jadual yang telah ditetapkan dengan pemantauan oleh pihak pengurusan universiti terutama Jabatan

Pembangunan dan Penyelenggaraan (JPP).

Ketika mengadakan perjumpaan dan dialog bersama kakitangan dan pensyarah, beliau mengingatkan kakitangan UMS adalah aset penting kepada universiti.

Oleh itu, beliau mahu semua kakitangan terus bekerja keras dan bertanggungjawab terhadap tugas yang telah diamanahkan untuk kepentingan universiti amnya dan pelanggan utama UMS iaitu pelajar yang semakin bertambah dari tahun ke tahun ter-

masuk pelajar antarabangsa.

Katanya, kakitangan perlu meletakkan kepentingan universiti terlebih dahulu daripada kepentingan peribadi supaya hasrat merealisasikan misi dan visi UMS akan tercapai.

Dalam pada itu, Abdullah yakin semua masalah yang dihadapi kakitangan akan dapat ditangani dan diselesaikan dengan baik sekiranya mereka menjalankan tugas mengikut peraturan yang telah ditetapkan. **-OLEH JAINUDIN DJIMIN**